

# Zulfadli mahu cipta sejarah mendayung

**Kuala Lumpur:** Atlet mendayung negara, Mohd Zulfadli Razali perlu membawa pulang emas pada temasya Sukan SEA Singapura Jun ini andai ingin meyakinkan negara menganjurkan acara itu pada temasya di Kuala Lumpur.

Persembahan kurang meyakinkan atlet mendayung negara sepanjang Sukan SEA menyebabkan sukan itu bakal disingkirkan dua tahun lagi justeru Zulfadli berkata, dia perlu membawa pulang emas dalam acara disertai iaitu beregu.

Akan berpasangan bersama Mazlie Daham, Zulfadli mahu mencipta sejarah dengan membawa pulang emas dan andai berjaya direalisasikan, badi pingat dalam acara itu dapat dile nyapkan.

“Dua tahun lalu kita pulang tangan kosong, justeru kali ini saya perlu merangkul emas bagi meyakinkan ne-

gara menganjurkan acara mendayung di Sukan SEA Kuala Lumpur.

“Saya perlu berusaha lebih keras lagi bagi memastikan emas dalam genggamannya,” katanya yang akan menyertai acara double 500 dan 1,000 meter.

Dua tahun lalu Zulfadli menduduki tempat keempat namun pencapaian ketika menyertai Piala Asean di Singapura Mac lalu menyuntik keyakinan buat dirinya.

Katanya, penyertaan di Piala Asean itu memberi serba sedikit maklumat mengenai pencabar dan secara tidak langsung dapat beraksi di lokasi sama acara itu dipertandingkan di Sukan SEA biarpun cuaca memainkan peranan penting ketika pertandingan.

Skuad mendayung negara menjalani latihan bersama sejak April lalu di Empangan Batu menyasarkan dua emas pada temasya kali ini.

**ZULFADLI** tekad raih emas di Singapura.

